

Submission date: 05/09/2018

Accepted date: 23/12/2018

**TARIKH SEBENAR BATU BERSURAT TERENGGANU BERDASARKAN  
TEKNIK TAWAFUQ (BACAAN KETETAPAN):  
JADUAL WAKTU HIJRAH DAN AL-QURAN**

*Actual Date of the Trengganu Inscription Stone based on Tawafuq Technique:  
Time-table of Hijrah and the Al-Quran*

Nurul Syala Abdul Latip<sup>1</sup>, Mohamed bin Abbas<sup>2</sup>, Syahril Mohamad<sup>2</sup>,  
Noor Hafiz Kamaruddin<sup>2</sup>, Syafinas Roslan<sup>2</sup>, Aisyah Mohamed<sup>2</sup>, Aliff Mohd Razuki<sup>2</sup>,  
Mohd Idwan Idris<sup>2</sup>, Hairi Osman<sup>2</sup>

<sup>1</sup> Universiti Sains Islam Malaysia

<sup>2</sup> Institut Tahfiz Al-Quran lil Muttaqin

nurulsyala@usim.edu.my

**Abstrak**

Dakwah Rasulullah untuk menegakkan syariat Allah berdasarkan Al-Quran telah berhasil sampai ke Nusantara. Batu Bersurat Terengganu (BBT) adalah batu tanda yang Allah timbulkan semula di Sungai Tersat Terengganu untuk menjadi bukti bahawa telah hadirnya Islam di Tanah Melayu yang lebih awal dari Melaka. Pelbagai kajian telah dibuat ke atas BBT dalam pelbagai aspek. Walau bagaimanapun belum ada kajian yang merujuk Al-Quran untuk memahami kandungan yang ada pada BBT. Oleh itu, penulisan ini merakamkan kajian yang telah dibuat oleh Institut Tahfiz Al-Quran lil Muttaqin, iaitu meneliti semula ketepatan tarikh Batu Bersurat Terengganu menggunakan metodologi kualitatif dengan teknik Tawafuq (bacaan ketetapan) berdasarkan Al-Quran. Analisis dibuat menggunakan analisa perincian kandungan. Dapatan kajian mendapati tarikh sebenar BBT adalah 6 Rejab 702 Hijrah bertepatan dengan penemuan Tuan Haji Mohd. Khair bin Haji Mohd. Taib, seorang ulama dan ahli falak dalam kertas kerja 'Ketetapan Tarikh Pada Batu Bersurat' pada tahun 1981. Penemuan ini menampakkan bahawa teknik Tawafuq (bacaan ketetapan) dan jadual waktu hijrah berdasarkan Al-Quran ini mempunyai potensi yang sangat besar dalam penerokaan ilmu dan penyelidikan.

Kata kunci: tarikh sebenar, batu bersurat Terengganu, teknik *tawafuq* (bacaan ketetapan), al-Quran, jadual waktu.

**Abstract**

The Prophet's da'wah to uphold the Shariah of the Qur'an has reached the Malay Archipelago. Terengganu Inscription Stone is a sign that Allah raises in Tersat River Terengganu to prove the existence of Islam in Malay Land. Various studies have been made on the inscribed stones in various aspects. However, there is no study done which refers to the Qur'an to understand the contents of the stone. Therefore, this study will document the study that has been done by Institute Tahfiz Al-Quran lil Muttaqin on the actual date of the Terengganu Inscription Stone based on a qualitative methodology using the Tawafuq technique based on the Qur'an. The analysis was made using the content analysis. The findings showed that the actual date of the stone is 6 Rejab 702 Hijrah coincide with the discovery of Tuan Haji Mohd. Khair bin Haji Mohd. Taib, a scholar and astronomer in the 'Ketetapan Tarikh Pada Batu Bersurat' paper in

1981. This discovery shows that the technique of Tawafuq and the timetable of hijrah based on the Qur'an has enormous potential in exploration of knowledge and research.

Keywords: the actual date, Terengganu inscription stone, *tawafuq* technique, al-Quran, timeline.

## PENGENALAN

Islam sampai ke Nusantara dalam keadaan aman dan tiada peperangan. Ajaran Islam dipercayai mula disebarkan ke Nusantara sejak tahun ketujuh hijrah iaitu pada abad pertama sejak Islam disampaikan pada Rasulullah lagi (Hamka, 2016). Tarikh hijrah bermula pada tahun 622 M dan Nabi wafat pada tahun 632 M.

Salah satu bukti kukuh tentang kehadiran Islam di nusantara ialah penemuan Batu Bersurat Terengganu (BBT) pada tahun 1887 di Kampung Buloh, Kuala Berang. Pada tahun 1902, oleh Saiyed Husin bin Ghulam Al Bukhari yang telah memindahkan batu tersebut ke istana di Kuala Terengganu. BBT adalah bukti pengisytiharan hukum Islam ditegakkan di muka bumi Terengganu (Dato Setia Jasa, 1983). Kandungan Batu Bersurat tercatat jelas hukum-hukum Islam yang ada di dalam Al-Quran. Sejak tahun 1922M pelbagai pengkajian telah dibuat untuk memahami kandungan Batu Bersurat Terengganu. Jadi amatlah penting kajian tentang batu bersurat yang tertulis dengan hukum dari Al-Quran perlu merujuk Al-Quran itu sendiri. Bertepatan dengan firman Allah dalam Surah 3, ayat 190:

Maksudnya: *Sesungguhnya pada kejadian langit dan bumi, dan pada pertukaran malam dan siang, ada tanda-tanda (kekuasaan, kebijaksanaan, dan keluasan rahmat Allah) bagi orang-orang yang berakal;*

Menurut Badiuzzaman Syed Nursi di dalam Kitab Risale-i-Nur, segala ilmu yang wujud pada hari ini termasuk ilmu sains adalah ilmu yang tercatat di dalam lembaran Al-Quran dan semua persoalan boleh dijawab dengan Al-Quran dan tidak ada satupun sia-sia. Firman Allah dalam Surah Al-Imran, ayat 191:

Maksudnya: *“(yaitu) orang-orang yang mengingat Allah sambil berdiri atau duduk atau dalam keadaan berbaring dan mereka memikirkan tentang penciptaan langit dan bumi (seraya berkata): “Ya Tuhan kami, tiadalah Engkau menciptakan ini dengan sia-sia, Maha Suci Engkau, maka peliharalah kami dari siksa neraka”.*

Salah satu aspek yang sangat penting untuk dikaji adalah terkait ketepatan tarikh sebenar BBT itu sendiri kerana pernyataan tarikh yang tepat di dalam BBT tidak nyatakan secara jelas. Yang hanya dinyatakan adalah:

*‘ada pertama ari jumaat di bulan rejab di tahun sarathan di sasanakala baginda Rasulullah telah lalu tujuh ratus dua’*

Berdasarkan ayat yang dinyatakan di dalam Batu Bersurat Terengganu ini, banyak pengkajian telah dibuat untuk mendapatkan tarikh sebenar BBT dan terdapat pelbagai perselisihan pendapat tentang perkara itu [Paterson (1924); Syed Muhammad Naquib Al-Attas (1971), Tuan Haji Mohd. Khair bin Haji Mohd. Taib (1981), Ahmat Adam (2017)]. Allah SWT berfirman di dalam Surah An-Nisaa' (4), Ayat 59, yang bermaksud:

*“Hai orang-orang yang beriman, taatilah Allah dan taatilah Rasul (Nya), dan ulil amri di antara kamu. Kemudian jika kamu berlainan pendapat tentang sesuatu, maka kembalikanlah ia kepada Allah (Al-Quran) dan Rasul (sunnahnya), jika kamu benar-benar beriman kepada Allah dan hari kemudian. Yang demikian itu lebih utama (bagimu) dan lebih baik akibatnya.”*

Allah seru jika ada berlainan pendapat tentang sesuatu, perlu dikembalikan semula kepada Allah iaitu mendapatkan penjelasan melalui Al-Quran itu sendiri kerana dengan Al-Quran akan ada penjelasan yang sempurna. Allah berfirman dalam Surah 14, ayat 52 yang bermaksud:

*(Al-Quran) ini adalah penjelasan yang sempurna bagi manusia, dan supaya mereka diberi peringatan dengan-Nya, dan supaya mereka mengetahui bahawasanya Dia adalah Tuhan Yang Maha Esa dan agar orang-orang yang berakal mengambil pelajaran.*

Berdasarkan perintah Allah ini, penulisan ini merakamkan kajian yang telah dibuat oleh Institut Tahfiz Al-Quran lil Muttaqin yang telah mencungkil tarikh sebenar Batu Bersurat Terengganu berdasarkan ilmu *Tawafuq* (bacaan ketetapan): jadual waktu hijrah dan Al-Quran (indeks surah dan ayat).

## **METODOLOGI KAJIAN**

Ilmu *Tawafuq* adalah ilmu tentang keselarisan ketetapan atau kejadian tentang sesuatu dengan kandungan Al-Quran. *Tawafuq* bermakna berkorelasi antara satu sama lain, keseragaman, kesesuaian, keselarasan, keharmonian, ketetapan atau dengan makna lain munculnya dua hal secara bersesuaian antara satu sama lain (Badiuzzaman Syed Nursi, 1949). Ia bertentangan dengan perkataan ‘kebetulan’ yang ditakrifkan sebagai ‘kemalangan’, kejadian yang berlaku secara kebetulan, dan pertemuan yang berlaku tanpa sebarang perancangan.

*Tawafuq* telah dijelaskan oleh para ilmuan Islam seperti Imam Al-Ghazali dan Badiuzzaman Syed Nursi di dalam Risale-i-Nur yang menyakini bahawa tiada sesuatu pun yang Allah SWT jadikan itu sia-sia dan semua yang berlaku itu adalah di dalam **ketetapan** Allah SWT sepertimana di dalam Firman Allah SWT, Surah Al Qamar (54), Ayat 3:

Maksudnya: *“Dan mereka mendustakan (Nabi) dan mengikuti hawa nafsu mereka, sedang tiap-tiap urusan telah ada ketetapan-Nya ”*

Tidak ada yang berlaku di muka bumi ini tanpa pengetahuan Allah. Seperti yang dinyatakan di dalam Surah Al An’am (6) ayat 59:

*Maksudnya: Dan pada sisi Allahlah kunci-kunci semua yang ghaib; tidak ada yang mengetahui apa yang di daratan dan di lautan dan tiada sehelai daun pun yang gugur melainkan Dia mengetahuinya (pula) dan tidak jatuh sebutir biji pun dalam kegelapan bumi dan tidak sesuatu yang basah atau yang kering melainkan tertulis dalam kitab yang nyata (Lauh Mahfuz).*

Mukjizat ayat-ayat Allah di dalam Al-Quran dapat menjelaskan segalaNya di muka bumi ciptaan Allah ini. Teknik *Tawafuq* yang dilaksanakan untuk kajian ini terkait *tawafuq* (ketepatan dan ketetapan) tarikh hijrah dengan ayat-ayat Allah (indeks surah dan ayat) dengan urusan kajian terkait. Kajian merujuk Al-Quran secara sistematik berdasarkan tarikh hijrah dan rujukan Al-Quran (indeks surah dan ayat) telah dilaksanakan oleh Institut Tahfiz Al-Quran lil Muttaqin sejak tahun 1427H. Ia menampakkan ada keharmonian dan keselarasan di antara rujukan indeks surah dan ayat di dalam Al-Quran dengan tarikh hijrah dan peristiwa harian yang berlaku.

Telah banyak buku sejarah yang ditulis manusia tentang sejarah, tetapi banyak ketepatan sejarah-sejarah ini dimanipulasi menjadi *his-story* (*cerita dia*), isi kandungannya mengikut siapa pemimpin yang memerintah. Sebagai contoh banyak kekhilafan terdapat di dalam sejarah negara Malaysia sendiri. Akar atau sejarah yang sebenar berlaku tidak diceritakan. Tetapi dengan teknik *Tawafuq*, kebesaran Al-Quran memaktubkan *shajarah* (cerita pokok) tidak boleh disangkal ketepatannya. Bukti ketepatan kajian ini dapat dilihat dengan jelas pada rujukan tarikh-tarikh peristiwa sejarah (*shajarah*) dunia berdasarkan indeks surah dan ayat di dalam Al-Quran.

Sebagai contoh yang pertama (1) tarikh kejatuhan Empayar Khalifah Uthmaniah pada 1342 H. Empayar besar ini sebenarnya runtuh akibat perbuatan khianat Inggeris Raya. Inggeris Raya (Jhon A., 2012) ini didorong oleh muslihat dan tipu daya perisik British, *Lawrence of Arabia*.

Penjelasan tentang keadaan ini dapat diperhatikan pada tarikh 1342H → Rujukan di dalam Al-Quran pada Surah 13 (Surah Ar-Raad), Ayat 42 (13/42) dan Surah 42 (Surah As-Syuura), Ayat 13 (42/13). Firman Allah SWT, Surah Ar-Raad (13), Ayat 42, maksudnya:

*“Dan sungguh orang-orang kafir yang sebelum mereka (kafir Mekah) telah mengadakan tipu daya, tetapi semua tipu daya itu adalah dalam kekuasaan Allah. Dia mengetahui apa yang diusahakan oleh setiap diri, dan orang-orang kafir akan mengetahui untuk siapa tempat kesudahan (yang baik) itu.”*

Di dalam Al-Quran, Allah telah mengajar Rasulullah Muhammad tentang pelbagai sejarah Rasul-rasul terdahulu, supaya Muhammad S.A.W dapat mengambil pelajaran dari sejarah lalu dan dapat menangani situasi semasa pada zamannya. Surah 13, ayat 42 ini Allah menjelaskan tentang peristiwa semasa tipu daya orang kafir Mekah tetapi melalui teknik *Tawafuq* ini dapat dilihat, ayat ini mampu menjelaskan keadaan ini berulang sama pada ketika zaman Khalifah Uthmaniah yang terdapatnya sikap tipu daya orang yang ingkar dengan perintah Allah untuk kita ambil pelajaran untuk menghadapi situasi pada masa kini.

Manakala dengan teknik *Tawafuq* ini, ayat cerminannya akan dirujuk untuk mengetahui perkaitan langkah seterusnya mengenai sesuatu situasi itu. Cerminan Surah 13, ayat 42 ada pada Surah 42 (Surah As-Syuura), ayat 13. Ia menjelaskan tentang syariat untuk menegakkan Agama Islam. Petunjuk ini tepat untuk menjelaskan keadaan setelah kejatuhan Kekhalifahan Islam, Allah perintahkan kepada seluruh umat manusia untuk tegakkan semula Islam sepertimana yang telah dilaksanakan oleh Rasul-rasul terdahulu. Firman Allah SWT, Surah As-Syuura (42), Ayat 13, maksudnya:

Maksudnya: *“Dia telah mensyariatkan bagi kamu tentang agama apa yang telah diwasiatkan-Nya kepada Nuh dan apa yang telah Kami wahyukan kepadamu dan apa yang telah Kami wasiatkan kepada Ibrahim, Musa dan Isa yaitu: **Tegakkanlah agama dan janganlah kamu berpecah belah tentangnya.** Amat berat bagi orang-orang musyrik agama yang kamu seru mereka kepadanya. Allah menarik kepada agama itu orang yang dikehendaki-Nya dan memberi petunjuk kepada (agama)-Nya orang yang kembali (kepada-Nya).”*

Contoh yang kedua (2) adalah pada tarikh kejatuhan Kerajaan Melaka. Sejarah yang ditulis dalam buku sejarah Malaysia, keruntuhan Kesultanan Melayu Melaka adalah akibat serangan Portugis. Tetapi bagaimana sebenarnya portugis boleh menyerang Kerajaan Islam Melaka yang hebat pada tahun 917H bersamaan 1511 Masehi itu adalah disebabkan tindak-tanduk pemimpin di dalam Istana (yang juga adalah pusat pengajian Islam) yang telah melanggar aturan Allah (Mazlina, 2018). Berlaku korupsi yang kritikal di dalam Istana dan ada pihak yang menjadi

pengkhianat dan menerima rasuah dari pihak Portugis. Penjelasan tentang perkara ini dijelaskan berdasarkan rujukan berikut: 917H → Surah 9 (Surah At Taubah), Ayat 17 (9/17) & Surah 17 (Surah Al Israa'), Ayat 9 (17/9).

Firman Allah SWT, Surah At Taubah (9), Ayat 17, maksudnya:

Maksudnya: *“tidak pantas bagi orang-orang musyrik itu memakmurkan masjid-masjid Allah sedang mereka mengakui bahawa mereka sendiri kafir itulah orang-orang yang sia-sia pekerjaannya dan mereka kekal di dalam neraka.”*

Sifat-sifat musyrik yang telah menular di dalam istana menyebabkan tidak layak lagi untuk mereka memegang tampuk kekuasaan Islam sehingga Allah runtuhkan kerajaan besar itu disebabkan oleh dosa mereka sendiri. Manakala pelajaran yang perlu diambil dari kejatuhan Kerajaan Islam Melaka itu adalah pada cerminan ayat 9/17 iaitu ayat 17/9. Firman Allah SWT, Surah Al Israa' (17), Ayat 9, maksudnya:

Maksudnya: *“Sesungguhnya Al-Quran ini memberikan petunjuk kepada (jalan) yang lebih lurus dan memberi khabar gembira kepada orang-orang Mu'min yang mengerjakan amal saleh bahwa bagi mereka ada pahala yang besar.”*

Petunjuk jalan untuk bangkit dari kejatuhan empayar ini adalah dengan kembali beriman kepada Al-Quran untuk mengikut jalan-Nya sebagai pimpinan dan menjauhi diri daripada sifat kufur.

Contoh ketiga (3) yang dapat dirujuk bukan sahaja menunjukkan ada petunjuk pada keselarian tahun hijrah dan penjelasan didalam Al-Quran malah rujukan boleh dibuat kepada perincian tarikh. Contoh pada peristiwa pemansuhan Sistem Kekhalifahan Uthmaniah dibubarkan secara rasminya oleh Kemal Attartuk pada 11 Rabiul Awal 1340H. Penjelasan tentang peristiwa ini dapat dirujuk pada 11/3, Surah 3 (Surah Ali 'Imran)(bulan ketiga dalam bulan Islam), Ayat 11. Firman Allah SWT, Surah Ali 'Imran (3), Ayat 11, maksudnya:

Maksudnya: *“(keadaan mereka) adalah sebagai keadaan kaum Fir'aun dan orang-orang yang sebelumnya; mereka mendustakan ayat-ayat Kami; karena itu Allah menyiksa mereka disebabkan dosa-dosa mereka. Dan Allah sangat keras siksa-Nya .”*

Inilah situasi umat Islam pada waktu itu, khususnya pemimpin-pemimpin umat Islam yang mengingkari dan mendustakan ayat-ayat Allah serta banyak berbuat dosa dan termakan dengan tipu daya British dan Liga Arab. Pada cerminan ayat ini iaitu pada Surah Huud (11), Ayat 3, Allah menegaskan perlunya meminta ampun atas dosa-dosa yang dibuat iaitu dalam Firman Allah SWT, maksudnya:

Maksudnya: *“dan hendaklah kamu meminta ampun kepada Tuhanmu dan bertaubat kepada-Nya. (Jika kamu mengerjakan yang demikian), niscaya Dia akan memberi kenikmatan yang baik (terus menerus) kepadamu sampai kepada waktu yang telah ditentukan dan Dia akan memberikan kepada tiap-tiap orang yang mempunyai keutamaan (balasan) keutamaannya. Jika kamu berpaling, maka sesungguhnya aku takut kamu akan ditimpa siksa hari kiamat .”*

Pelajarannya, dari situasi kemungkarannya yang telah berlaku di Istanbul ketika itu sehingga jatuh sebuah Empayar Islam, Allah perintahkan untuk meminta ampun dan bertaubat untuk kembali berada atas jalanNya berlandaskan Al-Quran dan Sunnah. Ini menjelaskan bahawa empayar yang begitu besar boleh diruntuhkan dengan dosa-dosa pemimpin dan umatnya. Dengan memahami keadaan ini, umat Islam perlu mengambil pelajaran supaya keadaan ini tidak akan berulang kembali di masa akan datang.

Telah dilampirkan sebahagian contoh peristiwa besar dalam sejarah Islam yang dapat dijelaskan di dalam Al-Quran berdasarkan teknik *Tawafuq*. Ini adalah sebahagian bukti bahawa Allah SWT Maha Mengatur segala-galanya. Ketepatan peristiwa dan ketepatan penjelasan di dalam Al-Quran (berdasarkan perkaitan tarikh hijrah dengan indeks surah dan ayat) inilah yang dinamakan teknik *Tawafuq*. Kajian ini seterusnya menerokai petunjuk ayat Allah tentang ketepatan tarikh pada Batu Bersurat Terengganu berdasarkan teknik *Tawafuq*.

### **KETEPATAN TARIKH BATU BERSURAT TERENGGANU**

Batu Bersurat ditegakkan sebagai pengisytiharan hukum Islam dari Al-Quran itu diteguhkan di bumi Terengganu. Satu-satunya tarikh yang tercatat dengan jelas dan nyata di atas Batu Bersurat Terengganu ialah '*baginda Rasulullah telah lalu tujuh ratus dua*'. Jadi, jika dirujuk di dalam Al-Quran 702H → Surah 07 (Surah Al A'raf), Ayat 2 (7/2), Allah menjelaskan dengan firmanNya:

*'Ini adalah sebuah kitab yang diturunkan kepadamu, maka janganlah ada kesempitan di dalam dadamu kerananya, supaya kamu memberi peringatan dengan kitab itu (kepada orang kafir), dan menjadi pelajaran bagi orang-orang yang beriman'.*

Secara nyata ayat ini menerangkan tentang tujuan besar turunnya Kitab Allah. Sepertimana tujuan BBT itu ditegakkan sebagai peringatan untuk laksanakan syariat Allah supaya dipraktikkan oleh sekalian umat. Dan bagi yang beriman menyakini tentang perintah Allah ini, akan mengambil peringatan untuk melaksanakannya. Manakala jika kita tidak mengambil pelajaran akan berlaku yang sebaliknya seperti dalam ayat cerminannya di dalam Surah 02 (Surah Al Baqarah), Ayat 7 (02/7), Firman Allah SWT menjelaskan tentang apa yang berlaku jika tidak taat kepada perintah Allah:

Maksudnya: "*Allah telah mengunci mati hati dan pendengaran mereka, dan penglihatan mereka ditutup. Dan bagi mereka siksa yang amat berat.*"

Allah akan mengunci mati hati bagi orang yang ingkar dengan perintahNya. Pelajaran perkaitannya dengan mesej pada Batu Bersurat sekalipun telah ada peringatan pada BBT, masih ada orang-orang yang ingkar (kafir) dan tidak mahu mengambil pelajaran. Akibatnya, Tanah Melayu dijajah dan Hukum Islam dari Al-Quran bukan lagi menjadi hukum pentadbiran utama dan kesannya sangat berat kepada keseluruhan masyarakat terutama dari perubahan minda, sosial dan budaya, pentadbiran, pendidikan, ekonomi tidak lagi berqiblatkan ajaran Al-Quran dalam pelaksanaan seharian (Mohamad Kamil, 2001). Kedua-dua ayat ini menjadi dalil yang nyata untuk menjelaskan ketepatan tahun 702H sebagai tahun Batu Bersurat Terengganu. Mengambil pelajaran dari peringatan di dalam Surah Al-A'raf 7, ayat 2 dan Surah Al-Baqarah 2, ayat 7, kajian ini diteruskan dengan mencari petunjuk mengikut setiap perintah Allah yang ada di dalam Al-Quran mengikut tarikh hijrah bagi mendapatkan penjelasan tarikh yang sebenar daripada Al-Quran. Ketetapan kajian ini telah dimulakan pada 1Muharam 1440H.

Pada 1hb rujukan dibuat pada semua ayat 1 di dalam Al-Quran dan jelas terkait dengan kajian bermula dengan Surah 1, Al-Fatihah ayat 1 iaitu:

Maksudnya: *Dengan menyebut nama Allah Yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang*

Petunjuk dari ayat ini terkait kajian adalah Al-Quran perlu dijadikan sebagai sumber rujukan utama supaya setiap sesuatu yang diperbuat bagi kajian ini adalah berdasarkan kehendak Allah

dan bukan kehendak manusia itu sendiri. Rujukan seterusnya di dalam Surah 11 Hud, ayat 1 Allah berfirman:

Maksudnya: *'Alif laam raa, (inilah) suatu kitab yang ayat-ayatnya disusun dengan rapi serta dijelaskan secara terperinci, yang diturunkan dari sisi (Allah) Yang Maha Bijaksana lagi Maha Tahu,'*

Atas dasar Surah 11/ Ayat 1, penelitian dibuat secara terperinci meneliti ejaan setiap perkataan, mengeja berulang-ulang untuk mendapatkan maksud sebenar, malahan susunan huruf dalam setiap perkataan perlu disemak dengan rapi.

Seterusnya ayat yang terkait dengan kajian ada petunjuk pada Surah 96 (Surah Al-Alaq), ayat 1. Allah berfirman

Maksudnya: *'Bacalah dengan (menyebut) nama Tuhanmu Yang menciptakan'*

Atas dasar Surah 96/ Ayat 1, pendirian perlu ditetapkan untuk membaca catatan BBT dengan kefahaman bahawa ia dibina atas kehendak Allah SWT yang menciptakan dan Allah yang mengizinkan batu itu ditulis pada awalnya dan kemudian dijumpai oleh generasi seterusnya supaya memperoleh mesej yang sama. Tiada sesuatu yang Allah jadikan itu sia-sia.

Dalam kajian Batu Bersurat ini, Al-Quran terus diteliti secara sistematik hari demi hari untuk mendapatkan petunjuk Allah berdasarkan tarikh hijrah. Diringkaskan penelitian ayat rujukan berdasarkan tarikh hijrah yang terkait dengan kajian adalah seperti di dalam jadual 1 di bawah:

**Jadual 1: Penelitian indeks ayat rujukan berdasarkan tarikh hijrah**

Hari Kajian (Tarikh)	Rujukan yang bertepatan dengan kajian	Fokus Kajian
Hari Kedua (2 Muharram 1440H)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Surah Al-Baqarah (2), Ayat 2 (2/2)</li> <li>• Surah Tho Haa (20), Ayat 2 (20/2)</li> <li>• Surah Al-Baqarah (2), Ayat 121 (2/121)</li> <li>• Surah Ar Rahman (55), Ayat 2 (55/2)</li> <li>• Surah An-Nuur (24), Ayat 2 (24/2)</li> <li>• Surah Al-Baqarah (2), Ayat 286 (2/286)</li> <li>• Surah Al-Baqarah (2), Ayat 45-46 (2/45-46)</li> <li>• Surah Al-Baqarah (2), Ayat 157 (2/157)</li> </ul>	Penelitian pada Muka Dua Batu Bersurat Terengganu
Hari Ketiga (3 Muharram 1440H)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Surah Ali 'Imran (3), Ayat 3 (3/3)</li> <li>• Surah Al Qamar (54), Ayat 3 (54/3)</li> <li>• Surah Ali 'Imran (3), Ayat 23 (3/23)</li> <li>• Surah Ali 'Imran (3), Ayat 1 (3/1)</li> <li>• Surah Al A'raaf (7), Ayat 3 (7/3)</li> <li>• Surah Ali 'Imran (3), Ayat 7 (3/7)</li> </ul>	Penelitian pada Muka Tiga Batu Bersurat Terengganu
Hari Keempat (4 Muharram 1440H)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Surah An Nisaa' (4), Ayat 4 (4/4)</li> <li>• Surah An Nisaa' (4), Ayat 1 (4/1)</li> <li>• Surah An Nisaa' (4), Ayat 59 (4/59)</li> <li>• Surah An Nisaa' (4), Ayat 28 (4/28)</li> <li>• Surah Al Anbiyaa' (21), Ayat 4 (21/4)</li> <li>• Surah Al 'Alaq (96), Ayat 4 (96/4)</li> <li>• Surah Ibrahim (14), Ayat 4 (14/4)</li> </ul>	Penelitian pada Muka Empat Batu Bersurat Terengganu
Hari Kelima (5 Muharram 1440H)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Surah Al Maa'idah (5), Ayat 5 (5/5)</li> <li>• Surah Ar Rahman (55), Ayat 5 (55/5)</li> <li>• Surah Yunus (10), Ayat 5 (10/5)</li> <li>• Surah Al Fatihah (1), Ayat 5 (1/5)</li> </ul>	Penelitian kepada bahagian tulisan yang hilang pada Muka Dua Batu

		Bersurat Terengganu  Mulakan penelitian pada Tarikh sebenar Batu Bersurat Terengganu pada Muka Satu
--	--	---

Jadual 1 menunjukkan penelitian yang dibuat dalam mengkaji tawafuq tarikh dan indeks ayat Al-Quran yang terkait

Dan setibanya 6hb Muharram 1440H, rujukan dibuat pada Surah Al-Fatihah (1), Ayat 6 (1/6), Mohon Allah *'Tunjukilah kami jalan yang lurus'* dan rujukan pada semua ayat di dalam Surah Al An'aam (6) dan semua ayat 6 di dalam Al-Quran dibuat.

Akhirnya, terdapat petunjuk Allah yang menjelaskan ketepatan fakta yang telah dipahatkan pada Batu Bersurat Terengganu pada Surah Al An'aam (6), Ayat 7 (6/7):

*Maksudnya: Dan kalau Kami turunkan kepadamu tulisan di atas kertas, lalu mereka dapat menyentuhnya dengan tangan mereka sendiri, tentulah orang-orang kafir itu berkata: "Ini tidak lain hanyalah sihir yang nyata" (Surah Al An'aam (6), Ayat 7)*

Ayat ini menjadi petunjuk yang besar dan bertepatan dengan Batu Bersurat kerana jika di ambil pelajaran dari ayat ini - **peraturan dan syariat Allah SWT dipahatkan di atas batu dan tidak di atas kertas**, dengan ini mesej utama Batu Bersurat masih boleh dipelihara sehingga hari ini, ia tidak boleh diubah dan tidak boleh dipertikaikan. Setiap yang dipahatkan di atas BBT adalah peringatan tentang peraturan dan syariat Allah SWT yang menjelaskan hukum di dalam Al-Quran. Lebih tepat lagi ayat ini menjelaskan tarikh batu bersurat itu sendiri, jika di perhatikan pada Surah 6, dan ayat ke 7 menjelaskan 6hb pada bulan ketujuh dalam Islam iaitu Bulan Rejab seperti yang telah tercatat pada Batu Bersurat. Pembuktian ini menjelaskan tiada sesuatu yang dijadikan Allah itu kebetulan tetapi adalah ketetapan Allah.

Manakala cerminan ayat ini pada Surah Al A'raaf (7), Ayat 6 (7/6) saling mendokong untuk mengukuhkan bicara:

*Maksudnya: Maka sesungguhnya Kami akan menanyai umat-umat yang telah diutus rasul-rasul kepada mereka dan sesungguhnya Kami akan menanyai (pula) rasul-rasul (Kami) (Surah Al A'raaf (7), Ayat 6)*

Ayat ini membawa peringatan Allah SWT tentang tanggungjawab umat manusia yang telah disampaikan tentang syariat Allah untuk mengikuti ajaran wahyu oleh Rasul-rasul. Mesej yang ada pada Batu Bersurat ini adalah juga kesinambungan usaha dalam menyampaikan syariat Allah oleh rasul-rasul untuk dipraktikkan oleh sekalian umat di bumi Terengganu khasnya dan amnya menyeluruh kepada sekalian umat yang membacanya. Besar tanggungjawab dan amanat yang diberikan melalui Batu Bersurat dan dapat dijelaskan melalui ayat-ayat Allah.

Berdasarkan teknik *Tawafuq* ini, ia menunjukkan **tarikh sebenar Batu Bersurat Terengganu** ialah **6 REJAB 702H**. Malah semakin rentas dalam perkiraan bulan berdasarkan Surah Yunus 10, ayat 5 turut menjelaskan tarikh yang sama iaitu 6 Rejab 702 H kerana semakin dimulakan dengan tarikh hijrah dan mengambil kira aspek bahawa pasti ada berlakunya *istiqmal* dalam perkiraan bulan-bulan Islam yang telah berlalu lebih 700 tahun.



Allah berfirman dalam Surah Yunus 10, Ayat 5:

Maksudnya: *Dia lah yang menjadikan matahari bersinar-sinar (terang-benderang) dan bulan bercahaya, dan ditetapkanNya manzilah-manzilah (tempat-tempat) bagi perjalanan bulan itu, supaya kamu mengetahui bilangan tahun dan kiraan masa. Allah tidak menjadikan semuanya itu melainkan dengan adanya faedah dan gunanya yang sebenar. Allah menjelaskan ayat-ayatNya (tanda-tanda kebesarannya) satu persatu bagi kaum yang mahu mengetahui (hikmat sesuatu yang dijadikanNya).*

Berdasarkan ayat ini jelas tarikh perkiraan bulan masehi tidak boleh disamakan terus dengan bulan-bulan hijrah kerana jumlah keseluruhan hari dalam setahun kalender masehi (matahari) tidak sama dengan jumlah hari di dalam tahun hijrah (*manzilah* bulan). Penemuan tarikh 6 Rejab 702H melalui teknik *Tawafuq* ini selari dengan penemuan berikut: '*menurut Allahyarham Datuk Setia Jasa Muhammad Saleh bin Haji Awang @ Misbaha (1983), rumusan yang dicapai sebulat suara mengenai kertas kerja "Ketetapan Tarikh Pada Batu Bersurat" oleh Tuan Haji Mohd. Khair bin Haji Mohd. Taib, seorang ulama dan ahli falak dan pengulasnya Dato' Perba DiRaja, juga seorang ahli falak di Seminar Kedatangan Islam ke Terengganu pada 13 - 14 Rejab 1401 (17 - 18 Mei 1981), yang diadakan di Kuala Terengganu adalah seperti berikut: a. Berdasarkan kepada Saratan dalam Batu Bersurat Terengganu adalah nama Buruj (gugusan-gugusan bintang-bintang), maka menurut perkiraan Falak Takwim Julian, tarikh yang ada pada Batu Bersurat itu ialah 702 H kerana pada hari Jumaat 6 Rejab tahun 702 H, bulan didapati sedang bergerak di dalam Buruj Saratan.*

## **KESIMPULAN**

Penyelidikan menggunakan teknik *Tawafuq* ini dapat membolehkan sesuatu penerokaan dibuat dengan lebih mendalam dalam sesuatu bidang berdasarkan ketetapan ayat-ayat Allah dengan tarikh hijrah. Kajian Batu Bersurat ini adalah sebagai satu kajian kes dalam penggunaan teknik *Tawafuq* ini sehingga dapat menjelaskan dapatan kajian iaitu tarikh sebenar Batu Bersurat Terengganu. Ketepatan setiap penjelasan dalam ayat terkait peristiwa menampakkan kebesaran Allah mengatur segalaNya di muka bumi Allah ini. Hak Allah menerangkan kepada setiap yang membaca ayatnya.

*Surah An Nahl, ayat 9:*

Maksudnya: *Dan hak bagi Allah (menerangkan) jalan yang lurus, dan di antara jalan-jalan ada yang bengkok. Dan jikalau Dia menghendaki, tentulah Dia memimpin kamu semuanya (kepada jalan yang benar).*

Melalui teknik *Tawafuq* ini akan membolehkan Al-Quran itu dirujuk sebagai pimpinan harian dan direkodkan secara sistematik dalam setiap urusan walau dari sudut mana kita merujuknya. Allah menerangkan dalam Surah Al-Fussilat, ayat 42-43:

Maksudnya: *Sesungguhnya orang-orang yang mengingkari Al-Quran ketika Al-Quran itu datang kepada mereka, (mereka itu pasti akan celaka), dan sesungguhnya Al-Quran itu adalah kitab yang mulia (42). Yang tidak datang kepadanya (Al-Quran) kebatilan baik dari depan maupun dari belakangnya, yang diturunkan dari Rabb Yang Maha Bijaksana lagi Maha Terpuji (43).*

Dari kajian ini ia membuka ruang untuk teknik *Tawafuq* ini diaplikasikan di dalam pelbagai bidang penyelidikan lain kerana ini akan dapat menjelaskan lagi tentang kedalaman ilmu Allah seperti firmanNya yang dalam Surah Al-Kahf, ayat 110:

*Maksudnya: Katakanlah (wahai Muhammad): "Kalaulah semua jenis lautan menjadi tinta untuk menulis Kalimah-kalimah Tuhanku, sudah tentu akan habis kering lautan itu sebelum habis Kalimah-kalimah Tuhanku, walaupun Kami tambah lagi dengan lautan yang sebanding dengannya, sebagai bantuan".*

## **PENGHARGAAN**

Kajian ini adalah sebahagian daripada kerjasama dengan Institut Sains Islam, Universiti Sains Islam Malaysia

## **RUJUKAN**

- Adam Ahmat (2017). Batu bersurat Terengganu: Betulkah apa yang dibaca selama ini? CIRD
- Badiuzzaman Syed Nursi. (1949). *Risale-i-Nur*. Turki: N. p.
- Dato Setia Jasa (Dato Haji Muhammad Saleh Haji Awang). (1992). *Sejarah Darul Iman hingga 1361H (1942M)*. Kuala Terengganu: Percetakan Yayasan Islam Terengganu Sdn. Bhd.
- H.S. Paterson (& C.O. Blagden). (1924). 'An early Malay inscription from 14th-century Trengganu', *Journ. Mal. Br.R.A.S.*, II, Part III, 1924, pp. 258-263.
- Jhon, A. (2012). Gerakan sosial politik Islam dunia. *Jurnal Sosial Budaya*, 9(1), Januari-Juli, 137-158.
- Mazlina A.M (2018), Ikhtibar di sebalik kejatuhan Melaka. *Kosmo Jurnal Online*. <http://www.kosmo.com.my/jurnal/iktibar-di-sebalik-kejatuhan-melaka-1.704406>.
- Mohamad Kamil Abdul Majid, (2001). Pertembungan tamadun Islam dengan kolonialisme Barat. In *Tamadun Islam dan tamadun Asia*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya, 143-160.
- Syed Muhammad Naquib Al-Attas (1970). *The correct date of the Terengganu inscription*. Muzium Negara, Kuala Lumpur.